



# SEMINAR KEPIMPINAN ISLAM SERANTAU

*Seminar on Regional Muslim Leadership*

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

## Ulama dan Peranannya dalam Masyarakat di Malaysia

*Ulama and Their Roles in the Malaysian Society*

Tuan Haji Ahmad Awang

Presiden Persatuan Ulama Malaysia  
President, Association of Muslim Scholars of Malaysia

29 Safar & 1 Rabi<sup>c</sup> al-Awwal 1420

14 & 15 Jun 1999

Dewan Kuliah Utama  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya



# **ULAMA' DAN PERANAN MEREKA DALAM MASYARAKAT MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim Al hamdulillahi Rabbil Alamin Wassolatu wassalamu ala Rasulihilamin wa ala alihu wasohbihi ajmain.

## **Ulama' kini**

"Sesungguhnya orang yang takut kepada Allah s.w.t. dari kalangan hamba-Nya ialah para ulama. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun," (Maksud Surah al-Faathir Sesungguhnya dengan roh natijah dan tuntutan ayat ini saya memulakan pembentangan kertas kerja ini yang bertajuk Ulama' dan Peranan Mereka Dalam Masyarakat Malaysia'. Allah s.w.t. telah meletakkan ulama' pada kategori yang utama sebagai hamba-Nya yang takutkan Allah s.w.t. Berdasarkan maksud ayat tersebut maka ulama' yang tidak takutkan Allah, tetapi takutkan kepada manusia, takutkan pemerintah atau pemimpinnya, maka ia bukan 'ulama pewaris nabi. Ini kerana ulama' pewaris nabi adalah mereka yang tidak takut kepada manusia untuk berkata benar, tetapi ia hanya takut kepada Allah s.w.t. merujuk bahawa ilmunya semata-mata untuk mencari redza Allah SWT.

Ini bertepatan dengan Sabda Rasulullah s.a.w. bahawa "Orang alim itu jika ia menghendaki dengan ilmunya untuk mencari redza Allah s.a.w.t maka ia tidak akan takut kepada segala sesuatu. Tetapi sekiranya ia menghendaki dengan ilmunya untuk memperbanyak hartanya (mengumpul hartanya); maka dia akan takut segala benda."

Natijah dari ayat Al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. ini sudah tentu sangat relevan dengan tajuk di atas, bahkan petunjuk dari ayat Al-Quran serta hadis Rasulullah s.a.w. itu tetap relevan dalam semua masa dan keadaan, kecuali dalam masyarakat jahiliyah masa lalu atau masa kini, di mana pemimpin sesebuah pemerintahan merasa ia berkuasa

mutlak dan menentukan segalanya, maka orang yang dipanggil 'ulama' itu memindahkan kepatuhan kepada Allah SWT itu kepada kepatuhan kepada manusia yang menjadi pemimpin itu. Pemindahan dari takutkan Allah s.w.t. kepada takutkan manusia adalah tragedi kepada ulama' dan ummah sendiri. Ini kerana ulama'lah makhluk yang dikenalpasti oleh Allah s.w.t. sebagai orang yang takut akan Allah di kalangan hambanya.

Peringatan Allah s.w.t. ini perlu menjadi cabaran kepada kita bersama pada ketika ummah terumbang ambing akibat dikelirukan oleh pelbagai tafsiran yang keliru pula dari golongan yang keliru dan berkepentingan. Di sini fungsi ulama', khususnya di Malaysia ini, tersangat penting. Ia sudah tentu meghadapi tapisan demi tapisan, ujian demi ujian, sehingga mereka yang benar-benar berwibawa – di segi pribadi dan ilmu serta prestasinya – yang lulus ujian menjadi 'ulama' pewaris nabi'. Adapun yang lain, yang tunduk patuh kepada manusia bukan kepada Allah s.w.t., ia akan hanyut sebagai sampah saraf dalam sejarah Islam. Inilah yang sangat penting difikirkan oleh ulama', yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. sedikit ilmu agama, yang peranannya ialah untuk 'menyeru kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar serta berjihad pada jalan Allah'.

Sama ada ulama' di Malaysia atau di nusantara ini, sudah memenuhi ciri yang disebutkan di atas, masyarakat sedang menyaksikannya, di samping ulama' itu sendiri mesti selalu bertanya kepada bisikan hatinya sendiri – sejurus-jujurnya – apakah dia sudah memenuhi ciri sebagai ulama', manusia yang hanya takut kepada Allah s.w.t.'

Kita di Malaysia, seperti juga di negara lain di rantau ini dan di mana saja, ulama' menghadapi ujian yang cukup hebat dan sengit dari pemerintah yang sekular, angkuh dan jahil, dan dari umat yang keliru serta juga dari musuh Islam yang bersekongkol. Kerana itu hingga ada orang yang berani menentang Allah s.w.t. (melawan perintahnya), tetapi ia takut

kepada manusia. Ini berlaku di negara sekular yang tidak mahu merujuk kepada Al-Quran dan hadis dalam menentukan segalanya.

Sementara itu secara langsung atau tidak langsung pemerintah yang sekular, jahil dan angkuh serta umat yang keliru - seperti saling bantu membantu dengan musuh Islam untuk melumpuhkan institusi dan kewibawaan ulama. Mehnah dan fitnah ini menuntut ulama memiliki keteguhan iman, ketabahan hati dan kesanggupan berkorban untuk menegakkan amar makruf dan nahi mungkar. Lebih-lebih lagi ulama' yang bergerak dalam harakah-Islam, parti politik Islam, di mana juga, ia lebih hebat menghadapi tekanan dan ujian, bahkan sampai terkorban jasad mereka. Kita tidak menyebut nama-nama mereka di sini, tetapi para hadirin di sini tentu mengetahuinya. Mereka adalah orang yang telah membayar dengan harga yang paling mahal untuk menegakkan kebenaran Islam.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, berlainan bangsa, keturunan dan agama kerana itu ungkapan 'masyarakat majmuk' sering dijadikan 'batu penghalang' oleh golongan sekular untuk menyekat ulama' dari berfungsi sepenuhnya sebagai prime mover - penggerak perdana masyarakat. Ia hanya diberikan peranan sampingan dalam menggerakkan masyarakat. Bagi pemimpin sekular, ulama hanya dibenarkan berligar di dataran moral dan akademik semata-mata. Mereka diberi amaran berulang kali supaya memisahkan agama dari politik dan jangan ada bicara politik di masjid, surau dan institusi pendidikan, tetapi anehnya pemberi amaran itu sendiri bercakap politik dalam masjid dan surau.

### Ulama' dan politik

Mereka yang melibatkan diri dalam politik-politik Islam untuk merobah keadaan, untuk melaksanakan sepenuhnya fungsi ulama 'amar makruf nahi mungkar' dan jihad

tersedia pelbagai halangan, difitnah siang dan malam, diletakkan pelbagai lebel. Semuanya ini, bagi golongan sekular yang berkuasa, ialah supaya ulama tidak berperanan dalam politik. Dengan demikian mereka boleh melakukan apa saja yang mereka fikir patut dilakukan tanpa merujuk kepada pandangan ulama, terutamanya dari segi hukum. Pelbagai insiden yang berlaku, yang amat menyentuh maruah agama Islam dan umatnya berlaku tanpa halangan, bahkan sampai pada peringkat mempersenda Sunnah Rasulullah s.a.w., itupun dibiarkan saja berlalu.

Apa yang kita katakan ini kedengarannya sangat 'berbau politik', tetapi bolehkah kita lari dari politik dan bolehkah kita merobah keadaan jika bukan dengan gerakan politik? Sekurang-kurangnya buat masa kini benar ilmu adalah sebahagian dari kuasa, tetapi ilmuan tanpa kuasa sangat terbatas fungsinya. Akhirnya mereka yang tidak mempunyai ilmu agama dan iltizam Islam berkuasa, sementara ulama' yang mempunyai ilmu tetapi malangnya tidak berkuasa. Inilah yang berlaku sekarang di mana Islam dengan sistem nilai dan hukum-hakamnya menjadi bahan senda gurau, dihina dan dipinggirkan peranannya. Ulama, walaupun mempunyai ilmu tetapi kerana tidak mempunyai kuasa sangat sukar mempertahankannya. Kalau begitu apakah semua ulama' mesti melibatkan diri dalam politik? Dan bagaimana jika ada ulama' yang berkata: "Saya tidak menyebahli mana-mana parti, saya adalah pendakwah dan bebas." Pertanyaan yang pertama tadi jawapannya ialah 'Ya' - ia mesti melibatkan diri dalam politik, sebab segala sesuatu yang digerakkan oleh manusia ini ialah politik.

Sama ada ia meminati politik atau tidak, namun persekitaran kehidupan ini penuh dengan ranjau politik dan karenah politik di mana cara ia mengatur kehidupan hariannya itu sendiri adalah politik Bagaimanapun sama ada mahu aktif atau tidak aktif dalam sesebuah parti politik maka itu terpulang kepada seseorang. Pertanyaan kedua jawapannya ia sebagai

orang yang berilmu mesti yakin kepada kebenaran dan ia mesti memihak kepada kebenaran. Tidak ada 'daerah berkecuali' untuk ia berada di tengah-tengah kerana ia kononnya 'pendakwah bebas' atau 'nan-partisan'. Ia mesti memihak kepada kebenaran Islam yang diperjuangkan oleh sesuatu golongan atau parti politik. Kegagalan memihak kepada kebenaran golongan yang memperjuangkan Islam adalah kegagalan ilmuan itu sendiri dalam memahami kaedah mencari kebenaran menurut Islam. Di dalam perang Al-Ahzab yang sangat seru itu di mana semua musuh bersekongkol memerangi Islam, hanya golongan Islam pimpinan Rasulullah s.a.w. yang memiliki kebenaran dan kerana itu Allah s.w.t. memberikan kebenaran kepada golongan mukmin ini. Sejarah ini menjadi petunjuk terbaik dalam mengenal pasti jalan kebenaran.

### Peranan ulama' di Malaysia ini

Peranan Ulama' di mana-mana tempat dan bila-bila juar pun adalah berlandaskan tugas pokok yang digariskan Allah dalam firmanNya yang bermaksud :

" Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka sekumpulan orang untuk memperdalam tentang agama supaya mereka memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka kembali kepadanya supaya mereka itu dapat berwaspada"

(Maksud at-Taubah : 122)

Untuk memberi peringatan kepada kaum bangsa supaya mereka berwaspada, para ulama' sewajarnyalah memahami benar-benar situasi dan keadaan yang berlaku di negara kita sekarang ini. Kegawatan yang berlaku di semua bidang kehidupan mesti ditafsir dengan betul menurut perspektif Islam. Tidak ada perspektif lain yang relevan dipakai kecuali Islam kerana ia adalah barometer dan petunjuk sejelas-jelasnya yang mana benar dan yang mana

salah. Menggunakan persepektif lain dari Islam dalam memahami suasana dan kegawatan yang berlaku di Malaysia sebenarnya hanya menempah jalan yang sesat lagi menyesatkan. Sebab itu peranan utama ulama' di Malaysia ialah meluruskan kefahaman masyarakat - pemimpin dan rakyat - mengenai kekarutan, kepalsuan dan kedurjanaan fahaman sekular yang meletakkan agama di dalam compartment (kotak-kotak) tertentu. Fahaman begini berakar umbi dalam masyarakat Malaysia hasil fikrah yang ditanam oleh penjajah Barat. Kemudian fikrah sekular ini diterimapakai oleh pemerintah anak tempatan selepas merdeka yang mewarisi cara berfikir Barat yang bertentangan dengan Islam.

Ulama' di Malaysia jauh lebih sukar peranannya berbanding dengan di negara lain, yang iklimnya jelas di antara wajah kuffar dengan wajah Islam. Kita di Malaysia, suasana sangat mengelirukan. Di samping kita diperlihat dan dikumandangkan dengan pelbagai simbol dan slogan Islam: Musabaqah Al-Quran, Pusat Islam, Bank Islam, Universiti Islam dan pelbagai lagi, di masa yang sama kita berdepan dengan situasi yang bertentangan sama sekali dangan Islam, malah suasana jauh lebih dominan menguasai masyarakat. Sementara Islam hanya sebagai gincu di bibir, untuk hiasan semata-mata. Di bidang perundangan, ekonomi, pendidikan dan lain-lain, sistem Islam terpinggir dan hanya dipakai dalam kelompok dan sudut yang amat kecil, sedangkan sistem perundangan, ekonomi dan pendidikan sekular adalah dominan di Malaysia.

Sebab itu kehadiran ulama' yang bersikap apologetik, membenarkan segala yang tidak benar ini, maka bermakna masyarakat, khususnya masyarakat Islam, dipandu ke jalan kesesatan. Ulama' yang tidak takutkan Allah s.w.t ini sudah tentu merosakkan masyarakat kerana mereka tidak dapat memberikan peringatan dan menakutkan masyarakat kepada Allah. Ia menghimpun segala hujah palsu, atau menggunakan secara tidak lengkap ayat Al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. untuk menjustifikasi pandangan mereka yang mendukung

pemimpin sekular yang keliru. Keadaan seperti ini berlaku di mana-mana. Dengan demikian ulama' berwibawa, yang takutkan Allah s.w.t., yang mahu memenuhi tuntutan sebagai 'pewaris nabi' berdepan bukan saja dengan pemimpin pemerintah yang sekular tetapi juga golongan 'ulama jahat' seperti ini beserta dengan golongan lain yang berkepentingan. Walaupun mereka jahil di dalam agama, tetapi mereka berpengaruh dan mampu mempengaruhi orang lain.

Kekeliruan yang amat sangat ini bukan saja berlaku di Malaysia bahkan di Nusantara ini dan di mana juga ada pemerintah yang sekular di dampingi oleh ulama' yang apologetik, dan umat yang keliru serta bersedia untuk dikelirukan. Ini cabaran yang cukup getir dihadapi oleh ulama', khususnya di Malaysia. Tetapi bagaimanapun angkuh dan sekularnya pemimpin sesebuah negara serta di dampingi pula oleh ulama' suruhannya, dan bagaimanapun kelirunya umat, namun golongan ulama' berwibawa mesti mempunyai sikap kental dan positif dan yakin bahawa perjuangannya 'menegakkan yang makruf, mencegah yang mungkar' akan berjaya. Allah s.w.t. tidak akan membiarkan agama-Nya dan ulama' yang mendukungnya dibiarkan tewas di tangan musuh Islam. Sebab itu ulama', seperti saya katakan tadi, mesti bersikap positif, memandang masa depan untuk Islam, yakin kepada kemenangan Islam akhirnya. Dengan demikian ia mesti bekerja sesungguh mungkin dengan ilmunya, dedikasinya, istiqamahnya untuk tugas penting dan kita menyarankan :

Ulama' sebagai pewaris nabi wajib mempertahankan ilmu dan tradisi keilmuan Islam. Ini kerana mereka lah yang lebih mengetahui mengenai kebenaran al-Quran dan as-Sunnah dan lain-lain ilmu syariah dan naqliat. Mereka mesti berusaha melindungi kebenaran Islam.

Ulama' sama ada berpendidikan secara tradisional atau secara baru hendaklah bersatu tenaga dalam melaksanakan tanggungjawab di samping berusaha menghidupkan

sistem pendidikan Islam secara bersepada bagi menggantikan sistem pendidikan sekular sekarang.

Di samping itu ulama' di Malaysia, kerana ia menjadi sebahagian dari gerakan islam seluruh dunia, maka ia hendaklah merapatkan hubungan dengan gerakan Islam di seluruh dunia, ke arah mewujudkan suatu contoh khilafah Islam yang menyatukan ummah seluruhnya, di samping itu untuk mewujudkan kesatuan dan keselarasan fikrah dan tindakan dalam menghadapi isu semasa dan pelbagai cabaran.

Berusaha melahirkan masyarakat rabbani yang bersedia menegak dan melaksanakan syariat Islam sepenuhnya, yang ditegakkan di atas asas yang kukuh seperti yang difirman oleh Allah s.w.t. "Sesungguhnya yang berkata Tuhan kami adalah Allah, kemudian mereka bersikap istiqamah akan turunlah kepada mereka para malaikat mengatakan: Jangan kamu takut dan jangan kamu dukacita dan bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan." (Maksud Fussilat:30)

Mendekati orang bukan Islam, khususnya, menyampaikan dakwah kepada mereka dengan penuh hikmah. Mereka ini golongan yang selama ini sangat dikelirukan oleh pemerintah sekular, yang menakut-nakutkan mereka terhadap sistem nilai dan hukum Islam. Ulama' mesti meyakinkan mereka akan keunggulan Islam sebagai pelindung dan pemberi rahmat kepada manusia sejagat', menyingkirkan segala kekeliruan mengenai Islam yang selama ini disuntik oleh golongan sekular dan yang berkepentingan. Tugas ini sangat mencabar. Saya meletakkan tugas paling utama ulama' mendekati orang bukan Islam ini disebabkan 'wilayah' ini jarang sekali, ataupun tidak pernah diterokai oleh para pendakwah kita, hingga mereka terdedah kepada pelbagai kekeliruan dan tanggapan salah terhadap Islam. Jika mereka kita dekati, tidak mustahil mereka akan memahami Islam, dan Insya-

Allah, pada akhirnya mereka akan mendukung Islam jika mendapat hidayah. Ataupun sekurang-kurangnya harapan kita yang minima ialah mereka tidak lagi memusuhi Islam.

Mendekati golongan massa yang amat ramai jumlahnya, yang selama ini 'jauh dari masjid dan surau'. Mereka mesti didekati, diberi rawatan sebagai pesakit dalam masyarakat, diberikan harapan dan pilihan, diyakinkan kepada mereka akan keunggulan Islam, kebahagiaan yang hakiki jika mereka mendekati Islam, meyakinkan mereka bahawa Islam melindungi dan mengasihi mereka, di dalamnya hanya ada keharmonian dan ketenteraman dan kenikmatan hidup yang sebenar. Golongan massa ini jika dapat 'dibebaskan' mereka dari belenggu kejahilan dan kekeliruan, mereka akan menjadi suatu kekuatan masa yang hebat untuk mendukung Islam.

Dengan terdedahnya masyarakat kita sekarang dengan kecanggihan IT atau Teknologi Maklumat, di mana perhubungan begitu dekat, maklumat terkini begitu pantas diterima dan masyarakat sedang menuju kepada globalisasi, maka ulama' sebagai prime mover, mesti menggunakan kesempatan ini sepenuhnya untuk menggerak dan memimpin masyarakat. Ulama' mesti menguasai bidang ini semaksima mungkin. Benar walaupun bidang ini hanya bersifat teknikal, bukan asas atau bukan akidah, namun ia sangat penting dikuasai sebagai alat untuk melaksanakan matlamat kita tadi. Musuh Islam, termasuk golongan sekular sedang mengambil kesempatan sepenuhnya dari kemajuan IT ini untuk mengelirukan imej Islam dan umatnya. Mereka sedang 'menterbalikkan' sejarah Islam sebenarnya, memperkecil peranan ulama, memperbesar peranan dan kekuatan musuh Islam, menggambarkan wajah Islam begitu hodoh sekali, penuh dengan keganasan, kebengisan, pertarungan, dendam dan segalanya. Pelbagai foto yang mengiringi cerita jahat ini disiarkan dalam Internet dan lain-lain. Oleh itu ulama' mesti membetulkan imej ini, serentak dengan

memberikan pelbagai maklumat benar mengenai Islam. IT ini, saya percaya jika dipergunakan sebaik munghkin, ia boleh menjadi senjata berguna untuk kepentingan Islam.

**Kesimpulannya**, dari pengamatan kita dan mungkin sahabat-sahabat yang lain bahawa isyarat amat jelas di mana masyarakat sangat memerlukan pimpinan ulama' dalam menghadapi kegawatan yang berlaku di hampir semua bidang kehidupan sekarang ini. Di mana-manapun sambutan dan harapan masyarakat begitu tinggi terhadap ulama'. Mereka tidak ada pilihan lain kecuali ulama sebagai tempat rujukan dan panduan meteka menghadapi kemelut ini. Dan dari pengamatan saya, mungkin juga teman-teman yang lain, walaupun media massa dan pemimpin sekular memberikan gambaran hitam terhadap imej ulama, namun pandangan masyarakat terhadap ulama' tetap tinggi dan sangat diperlukan. Media massa dan pemimpin sekular gagal dalam usahanya 'meminggirkan ulama', kerana 'ulama adalah penolong Allah dan Rasul-Nya, maka Allah menolong mereka yang menolong agamanya.

Untuk akhirnya, saya menyeru diri saya sendiri dan para ulama supaya bersedia dengan ilmu, daya juang, dedikasi dan istiqamahnya untuk memimpin ummah, membebaskan mereka dari kepompong sekularisme, rasa rendah diri, keliru dan segalanya. Ulama' jangan sekali-kali merasa terhutang budi dengan sesiapapun dan ia tidak takut kepada sesiapun kecuali Allah s.w.t. Dan dengan berpegang teguh akan prinsip ulama' 'menyeru yang makruf, mencegah yang mungkar', ulama mampu memimpin ummah menempun alaf baru dengan penuh yakin. Ini harapan kita bersama.

Wallahu a'alam